

Angkat sumpah hari ini

UM - 21/8/2021 m/s: 1

Oleh **ASLINDA NASIR** dan **MOHD. FADLI MOHD. SULAIMAN**
utusannews@gmail.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijadual mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri dalam Istiadat Pengurniaan Suratcara Pelantikan di Istana Negara hari ini.

Pelantikan Ismail Sabri diperkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah semalam selepas baginda menerima surat aakuan seramai 114 ahli Dewan Rakyat yang memberikan pengakuan masing-masing menyokong Ahli Parlimen Bera itu.

Selain UMNO, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Pas, MCA dan MIC yang bersemuka menyatakan aakuan, kelmarin, Gabungan Parti Sarawak (GPS), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Bersatu Sabah (PBS), Parti Solidariti Tanah Airku Rakyat Sabah (Star) dan Bebas turut mengesahkan sokongan menerusi surat aakuan masing-masing.

Dalam kenyataan Istana Negara, semalam, Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Datuk Indera Ahmad Fadil Shamsuddin berkata, pelantikan Ismail Sabri dibuat se-

lepas Seri Paduka menerima surat aakuan seramai 114 Ahli Dewan Rakyat sekali gus mencukupi untuk membentuk kerajaan.

"Istana Negara telah menerima pencalonan nama-nama bakal Perdana Menteri daripada 220 ahli Dewan Rakyat, masing-masing menerusi surat aakuan pada 18 Ogos 2021.

"Susulan itu, Seri Paduka berkenan menerima menghadap 114 Ahli Dewan Rakyat, untuk mengesahkan kepercayaan mereka ke atas ahli Dewan Rakyat yang telah dicalonkan untuk dilantik sebagai Perdana Menteri.

"Sehubungan dengan itu dan selaras dengan Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan, Seri Paduka telah berkenan melantik Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (Ahli Parlimen Bera) sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-9," katanya.

Pelantikan Ismail Sabri menggantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang meletakkan jawatan Isnin lalu, dibuat selepas Seri Paduka mempengerusikan Perbincangan Khas Raja-raja Melayu di Istana Negara pukul 2.30 petang semalam.